

Bergabung: Amaran batal lesen Bank Utama

UM 23 JAN 2002

Oleh
ABDUL HAMID MOHAMAD

BANGI 22 Jan. — Kerajaan akan membatalkan lesen Kumpulan Bank Utama (Bank Utama) jika bank itu masih gagal mendapatkan rakan penggabungan baru dalam tempoh lanjutan enam bulan yang dibenarkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak bercadang melanjutkan lagi tempoh itu kerana jangka masa yang diberikan kepada bank tersebut untuk bergabung dengan RHB Bank Berhad, sebelum ini sudah mencukupi.

“Tempoh ini (6 bulan lagi)

adalah (yang) terakhir, kalau bank itu masih gagal (mencari rakan penggabungan), lesen mereka akan dibatalkan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Hari Kerjaya ke-20 Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas lanjutan tempoh enam bulan yang diberikan kepada Bank Utama untuk mencari rakan penggabungan baru kerana kegagalannya bergabung dengan RHB Bank.

Kerajaan memberikan Bank Utama tempoh sehingga 31 Disember lalu untuk mendapatkan rakan penggabungan bagaimanapun sehingga tarikh tersebut bank itu masih gagal berbuat demikian.

RHB Bank merupakan salah sebuah dari 10 buah kumpulan perbankan yang dikenal pasti oleh Bank Negara untuk menjadi bank teras dalam operasi penggabungan besar-besaran yang bermula pada tahun 2000.

Bank Utama yang berpangkalan di Sarawak, bagaimanapun masih mencari-cari rakan penggabungan, selepas gagal mencapai kata sepakat dalam rundingan dengan beberapa bank teras termasuk Kumpulan Perbankan Arab-Malaysian dan EON Bank Bhd.

Semalam, Dr. Mahathir berkata, kerajaan melanjutkan tempoh selama enam bulan lagi kepada Bank Utama untuk mendapatkan rakan penggabungan baru.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan akan terus memantau perkembangan gabungan itu kerana Bank Utama tidak layak menjadi bank teras berikutan kekurangan modal.

Mengulas lanjut perkara itu, Dr. Mahathir berkata, beliau tidak fikir Bank Utama akan bergabung dengan RHB Bank kerana usaha mereka sebelum ini sudah menemui kegagalan.

“Saya tak fikir mereka akan bergabung, jadi Bank Utama kena cari rakan (penggabungan) baru, kita beri (lanjutan) tempoh 6 bulan lagi, kalau masih gagal, kita terpaksa membatalkan lesen mereka,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, kerajaan tidak akan membenarkan Bank Utama meneruskan operasinya sekiranya bank itu masih gagal mencari rakan penggabungan.

Kata beliau, ini adalah kerana kerajaan telah memutuskan supaya hanya 10 buah bank sahaja dijadikan bank teras di negara ini dengan kemungkinan jumlah itu akan mengecil.

Ditanya tujuan memberi keistimewaan kepada Bank Utama setelah dua kali kerajaan memberi tempoh untuk mencari rakan penggabungan, Dr. Mahathir berkata:

“Kemungkinan Bank Utama menghadapi masalah ‘istimewa’ yang memerlukan perhatian kerajaan”.